

PM: Jangan terlalu bersemangat kebangsaan

ALOR STAR, Sabtu — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan peniaga Bumiputera jangan bersemangat kebangsaan secara membabi-buta jika ingin maju dalam bidang perniagaan.

Katanya mereka tidak sepatutnya mencampur-adukkan semangat kebangsaan dengan minat untuk maju dan berjaya dalam bidang tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan ini ketika melancarkan Franchise Bernas Edar bagi depot kecil dan Kedai Minat di Dewan Datuk Syed Omar di sini.

Oleh NAZAR ABDUL

Beliau berkata semangat kebangsaan yang keterlaluan dalam bidang perniagaan akan menyekat dan menghadkan perkembangan perniagaan Bumiputera.

Perdana Menteri berkata peniaga Bumiputera juga tidak perlu terlalu iri hati terhadap penyertaan peniaga bukan Bumiputera dalam skim seperti itu.

Menarik pelanggan

"Penyertaan peniaga bukan Bumiputera patut dianggap pertandingan bagi mengukur pencapaian dan kejayaan peniaga Bumiputera itu sendiri," tegasnya.

Beliau berkata di bidang perniagaan, pelanggan-pelanggan terdiri dari pelbagai kaum. Jika peniaga Bumiputera ingin mencapai tahap perniagaan yang lebih tinggi, mereka perlu menarik pelanggan-pelanggan bukan Bumiputera.

Mengenai perniagaan, khususnya perniagaan kedai runcit, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan amannh dan menatuhi peraturan perniagaan adalah faktor utama menjamin kejayaan.

Katanya, walaupun peniaga Bumiputera kekurangan pengalaman, mereka masih boleh berjaya sekiranya mempunyai sifat amanah dan mengikut peraturan ditetapkan.

Perdana Menteri juga membidas golongan peniaga yang berfikir mereka sudah pndai danti-dak perlu diajar mengenai selok-belok perniagaan.

Perdana Menteri yakin dengan pengurusan yang baik dan sistematik peniaga-peniaga Bumiputera yang baru dan kurang pengalaman boleh berjaya di bidang tersebut.